

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [ TELUK INTAN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan senarai langkah dan rancangan Kementerian untuk memastikan 'food security' untuk negara dan mengurangkan jumlah import makanan yang kini mencecah lebih RM51 bilion setahun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian akan terus menggiatkan usaha bagi meningkatkan kestabilan dan kelangsungan rantaian bekalan makanan serta memastikan sekuriti makanan (*food security*) negara sentiasa terjamin.
2. Sehubungan itu, antara langkah dan rancangan Kementerian adalah seperti berikut:
  - I. Merencanakan aktiviti pengeluaran makanan dan meningkatkan produktiviti dengan pemberian subsidi / insentif input dan penyediaan khidmat nasihat teknikal;
  - II. Meningkatkan keberkesanan pengeluaran dengan menambahbaik infrastruktur dan kemudahan seperti jalan dan fasiliti ladang, pengaliran dan saluran kawasan sawah padi serta kompleks dan jeti pendaratan ikan;

- III. Meningkatkan kecekapan rantai bekalan dan logistik melalui kemudahan pusat pengumpulan, penyimpanan, pemprosesan dan pengedaran;
- IV. Memperluas akses pasaran pengusaha tani melalui outlet pemasaran seperti pasar tani, pasar nelayan, Agrobazaar dan MyFarmOutlet serta menggalakkan penyertaan usahawan dalam platform e-dagang seperti Agrobazaar Online, NEKMATBIZ dan platform kerjasama strategik dengan pihak swasta seperti Lazada dan Shopee;
- V. Melahirkan tenaga kerja yang kompeten dan berdaya saing melalui Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan;
- VI. Menggalakkan penyertaan golongan muda melalui Program Agropreneur Muda dengan geran *in-kind* dan skim pembiayaan serta latihan teknikal;
- VII. Menggalakkan aplikasi teknologi moden seperti fertigasi, kilang tanaman, penggunaan dron, sistem pertanian pintar, *artificial intelligence* (AI), *big data* dan *internet of things* (IoT); dan
- VIII. Melaksanakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan input pertanian seperti benih dan baka yang mempunyai daya tahan dan kerintangan yang tinggi kepada cuaca melampau dan racun perosak.

**3.** Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (JKKDSMN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Jawatankuasa ini bertanggungjawab meneliti isu-isu berkaitan sekuriti makanan secara menyeluruh meliputi aspek rantai bekalan, tenaga kerja, aplikasi teknologi, sumber kewangan, pelaburan, guna tanah dan infrastruktur. Jawatankuasa Kabinet ini akan memantapkan lagi tadbir urus sekuriti makanan negara dan mentransformasikan sektor agromakanan ke tahap yang lebih baik, sekaligus memastikan bekalan makanan terjamin. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN]**

**SOALAN**

**TUAN NGA KOR MING [ TELUK INTAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci bilangan projek Kerajaan mengikut nilai projek yang diluluskan secara rundingan terus dari Mac, tahun ini sehingga Oktober.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

1. Perolehan Kerajaan dilaksanakan berdasarkan prinsip perolehan Kerajaan iaitu persaingan terbuka, akauntabiliti awam, ketelusan, nilai faedah terbaik serta adil dan saksama seperti yang digariskan oleh peraturan dan tatacara di dalam Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan membenarkan pelaksanaan perolehan secara rundingan terus berdasarkan Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus yang menetapkan permohonan hanya boleh dikemukakan berasaskan lima (5) kriteria khusus seperti berikut:

- i. Kesegeraan atas kepentingan awam di mana sekiranya tidak dilaksanakan segera akan memberi impak negatif kepada penyampaian perkhidmatan awam;
- ii. Bagi maksud penyeragaman untuk memastikan kesesuaian penggunaan (*compatibility*) antara barangan sedia ada dengan barangan baru yang akan dibeli;
- iii. satu punca bekalan/perkhidmatan yang mana hanya satu syarikat sahaja boleh membekalkan barangan/perkhidmatan yang dikehendaki
- iv. melibatkan keselamatan/strategik bagi pembelian alat keselamatan atau projek strategik yang perlu dirahsiakan demi kepentingan negara; atau

- v. kontrak dengan syarikat pembuat Bumiputera yang memenuhi semua syarat kelayakan demi memupuk pertumbuhan syarikat Bumiputera yang bertaraf pembuat.

2. Sejak diperkenalkan mulai tahun 2015, penambahbaikan berterusan telah dilaksanakan terhadap garis panduan ini bagi memastikan ia kekal relevan. Antara penambahbaikan terkini yang telah dilaksanakan mulai tahun 2019 adalah dengan mewajibkan Kementerian/Agensi untuk melaksanakan penilaian terhadap syarikat yang dicadangkan. Ini bagi memastikan hanya syarikat yang benar-benar berkeupayaan dari segi kewangan dan teknikal dipertimbangkan untuk perolehan secara rundingan terus.

3. Sebagai langkah kawalan, Kementerian/Agensi perlu mengemukakan permohonan perolehan secara rundingan terus berdasarkan kriteria di atas kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan dan kelulusan sebelum perolehan boleh dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN]**

**SOALAN**

**TUAN NGA KOR MING [ TELUK INTAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jumlah perbelanjaan untuk program Prihatin dan e-Penjana serta pecahan jumlah bilangan rakyat yang menerima bantuan mengikut negeri.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Sebagai langkah memulihkan ekonomi yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19, Kerajaan telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) bernilai RM260 bilion pada 27 Mac 2020 bagi merangsang ekonomi, membantu rakyat dan menggalakkan aktiviti ekonomi domestik dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) pada 5 Jun 2020 bernilai RM35 bilion yang bertujuan untuk memulihkan dan menjana semula ekonomi negara dalam jangka masa pendek.
2. **Daripada jumlah peruntukan sebanyak RM260 billion yang disediakan dalam pakej PRIHATIN, jumlah perbelanjaan dan penerima manfaat setakat 27 November 2020 mengikut negeri adalah seperti berikut:**

**NO SOALAN : 319**

<b>Negeri</b>	<b>Perbelanjaan (RM bilion)</b>	<b>Penerima manfaat (syarikat/individu)</b>
Selangor	2.868	9,213,042
Johor	2.142	6,690,481
Sarawak	1.291	1,189,012
Perak	1.505	4,500,756
W.P. Kuala Lumpur	1.289	5,139,790
Sabah	1.160	1,075,719
Kedah	1.255	3,470,231
Pulau Pinang	0.994	3,244,210
Kelantan	0.985	2,555,691
Pahang	0.897	2,540,194
Terengganu	0.687	1,849,991
Negeri Sembilan	0.698	2,134,693
Melaka	0.562	1,787,339
Perlis	0.157	433,863
W.P. Putrajaya	0.069	314,693
W.P. Labuan	0.034	33,831
Lain – lain (tidak mengikut pecahan negeri)	139.716	18,519,114
<b>JUMLAH</b>	<b>156.309</b>	<b>64,692,650*</b>

*\* Terdapat penerima (individu dan syarikat) yang menerima manfaat lebih dari 1 inisiatif*

3. Inisiatif-inisiatif utama yang merangkumi nilai berjumlah RM156.3 bilion tersebut antaranya ialah moratorium pinjaman bank bernilai RM100.0 bilion, skim i-Lestari bernilai RM12.8 bilion, Bantuan Prihatin Nasional sebanyak RM11.1 bilion, Program Subsidi Upah sebanyak RM8.3 bilion, Dana Pinjaman Mudah PKS berjumlah RM5.9 bilion, pengurangan kadar caruman KWSP sebanyak RM4.3 bilion dan pelaksanaan Projek-Projek Kecil sebanyak RM3.4 bilion. Jumlah ini belum termasuk bantuan yang masih berjalan atau nilai jaminan yang membantu individu dan perniagaan menjalankan operasi mereka.

4. Bagi program ePENJANA pula, Kerajaan telah mengkreditkan nilai RM50 yang boleh digunakan bagi pembelian melalui penyedia perkhidmatan e-Dompet yang terpilih. Daripada peruntukan sebanyak RM750 juta yang disediakan, sebanyak RM567.9 juta telah dibelanjakan oleh seramai 11.36 juta rakyat Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rekod pecahan mengikut negeri adalah tidak dipantau memandangkan maklumat tersebut tidak dapat ditentusahkan ketepatan negeri dan lokasi pemohon yang direkod melalui maklumat kad pengenalan.

Sekian, terima kasih.